

Aishah nak ajak Marina berjuang dlm Wanita

KUALA LUMPUR, Rabu.— Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani, hari ini memberitahu, beliau akan menemui Puan Marina Yusof, untuk mengajaknya kembali berjuang dalam Pergerakan itu.

"Saya akan mengajak Puan Marina untuk menyertai pergerakan Wanita UMNO semula dan menduduki salah satu jawatankuasa kecil khususnya, yang berkaitan dengan undang-undang dan hak-hak wanita," ujar beliau.

Bercakap kepada pemberita di satu sidang akhbar di pejabatnya, di sini hari ini, Datin Paduka Aishah berkata, beliau



■ DATIN PADUKA AISHAH

bangga dengan sikap positif yang ditunjukkan oleh Cik Marina dan mensifatkannya, sebagai seorang yang serba berkebolehan dan dapat memberi banyak sumbangan kepada parti UMNO, khususnya Wanita UMNO.

Sejarah

Beliau juga berkata, beliau sangat sukacita tiga calon wanita, iaitu Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz, Ahli Exco Negeri Selangor, Datin Paduka Zaleha Ismail dan Cik Marina sendiri, berjaya memenangi kerusi Majlis Tertinggi UMNO.

"Ini adalah satu sejarah dalam politik UMNO serta perjuangan Wanita UMNO," ujarnya. Mengenai dakwaan

bahawa Pergerakan Wanita UMNO tidak merestui pencalonan Cik Marina bertanding dalam Majlis Tertinggi, Datin Paduka Aishah menegaskan, perkara tersebut tidak timbul.

"Soal restu atau tidak restu, tidak pernah timbul kerana pencalonan seseorang calon dibuat oleh Bahagian-bahagian UMNO dan bukannya dibuat oleh Pergerakan Wanita," jelas beliau.

Di samping itu, Pergerakan Wanita memang tidak dibenarkan membuat pencalonan," katanya.

Peluang

Beliau menambah, pada bulan Mac lalu pihaknya telah menyatakan, bahawa Wanita UMNO tidak akan menghalang ahli-ahlinya yang ingin untuk bertanding.

Bagaimanapun kata beliau, jawatankuasa pergerakan itu yang telah bermesyuarat pada akhir bulan Mac, telah mengambil keputusan memberi peluang kepada dua orang ahlinya, iaitu Datin Paduka Rafidah dan Datin Paduka Zaleha untuk bertanding.

Katanya, ahli-ahli jawatankuasa berpendapat, kalau ramai antara mereka yang bertanding, akan menjejaskan peluang dua wakilnya yang sedia ada dalam Majlis Tertinggi itu untuk menang.